

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 8, NO.10 HINGGA NO. 88)

27 MEI 2015

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 9)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

SOALAN NO: 8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN M. KULASEGARAN

TARIKH: 27 MEI 2015

SOALAN:

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah bilangan pekerja estet yang telah mengambil bahagian dalam Skim Khas untuk Pembiayaan Perumahan Pekerjaan Estet. Sila beri pecahan mengikut kaum.

PR-1332-L68806

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Semenjak pelaksanaan Skim Pembiayaan Rumah Pekerja Estet (SKRE) pada tahun 2011 sehingga 24 April 2015, jumlah permohonan yang telah diproses oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) ialah sebanyak 152. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 81 (53%) daripada permohonan ini telah berjaya mendapat kelulusan pinjaman, manakala 70 (46%) permohonan gagal dan sebanyak 1

(1%) permohonan masih dalam tindakan BSN. Pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

Jadual 1: Pecahan Status Permohonan SKRE Mengikut Kaum

Status Permohonan	Kaum		Jumlah	%
	Melayu	India		
Lulus	76	5	81	53%
Gagal	66	4	70	46%
Dalam Tindakan	1	0	1	1%
Jumlah Permohonan	143	9	152	100%

Sumber: Bahagian Standard Perburuhan, JTKSM

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 27 MEI 2015 (RABU)

SOALAN : 10

Dr. Che Rosli Bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha menangani permasalahan warga bandar dan pinggir bandar yang menggunakan pengangkutan awam seperti komuter, LRT dan Monorail menghadapi masalah kekurangan tempat letak kereta sebelum menggunakan pengangkutan awam dan mengurangkan kenderaan awam ke pejabat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedia maklum akan masalah kekurangan tempat letak kereta (*Park n Ride*) di stesen-stesen pengangkutan awam terutamanya bagi perkhidmatan Komuter, LRT dan Monorail. Sehubungan itu, Kerajaan melalui inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara – Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar (NKRA-UPT) telah dan sedang membangunkan *Park n Ride* bagi meransang permintaan pengguna pengangkutan awam sekaligus menggalakkan peralihan mod daripada kenderaan persendirian kepada kenderaan pengangkutan awam.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan di bawah inisiatif NKRA – UPT melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0, telah membangunkan kemudahan tempat letak kereta (*Park n Ride*) sebanyak 6,939 petak letak kereta (*parking bays*) bagi tempoh 2010 – 2013 di beberapa stesen Komuter dan LRT bertujuan menyediakan kemudahan kepada pengguna-pengguna pengangkutan awam dengan jumlah peruntukan sebanyak RM82.6 juta.

Seterusnya, di bawah GTP 2.0 iaitu bagi tempoh 2013 hingga 2015 (yang merupakan sambungan kepada inisiatif NKRA – UPT GTP 1.0) sebanyak 7 projek baru dan 6 projek sambungan telah, sedang dan akan dilaksanakan bagi menggalakkan lagi penggunaan pengangkutan awam serta menjadikan sistem pengangkutan awam negara lebih cekap dan berkesan. Projek dari GTP 1.0 yang disambung ke GTP 2.0 adalah *Park n Ride* di

stesen Komuter Padang Jawa, Shah Alam, Serdang dan Kelang, serta di stesen LRT Ampang dan Asia Jaya. Sementara itu, projek pembangunan *Park n Ride* yang telah, sedang dan akan dilaksanakan bagi tempoh GTP 2.0 secara keseluruhannya adalah berjumlah 6,476 petak letak kereta dengan jumlah peruntukan sebanyak RM109.8 juta. Antara contoh lokasi *Park n Ride* ini adalah di Stesen Komuter UKM (140 petak letak kereta), Nilai (140), Rawang (600), stesen LRT Taman Jaya (250), Taman Paramount (347), Taman Bahagia (551) dan stesen ERL Salak Tinggi (1,041).

Walau bagaimanapun, kekangan yang dihadapi oleh operator rel dan agensi yang berkaitan untuk membina dan membangunkan *Park n Ride* dengan jumlah tempat letak kereta yang lebih banyak adalah faktor kekurangan kawasan dan tapak yang terhad di sekitar stesen perkhidmatan rel yang berkenaan.

Seterusnya, bagi menangani masalah ini, NKRA-UPT dengan kerjasama Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sedang merancang untuk menyediakan perkhidmatan *first mile* dan *last mile connectivity* bagi membolehkan orang awam meninggalkan kenderaan di rumah atau di *park n ride* (usaha *first mile*) untuk menggunakan pengangkutan awam dan meneruskan perjalanan dengan lancar ke tempat kerja samada menggunakan perkhidmatan bas feeder, monorel atau berjalan (usaha *last mile*).

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI
HABIBOLLAH [Limbang]**

TARIKH : 27.05.2015 (RABU)

NO. SOALAN : 11

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah Kementerian benar-benar dan bersungguh-sungguh untuk melaksanakan Projek Bekalan Air Luar Bandar dari Simpang Ukong ke daerah kecil Nanga Medamit untuk membantu sekolah-sekolah, pejabat-pejabat dan pekan baru di sana.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian ini mengambil maklum tentang keperluan pelaksanaan projek BALB dari Simpang Ukong ke pekan kecil Nanga Medamit dan telah menyelaraskannya dengan senarai cadangan pelaksanaan projek BALB dalam RMKe-11. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada senarai keutamaan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan kelulusan pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri serta peruntukan yang disediakan Kerajaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 27.5.2015

SOALAN :

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Sarjana Muda Sastera Pendidikan Bahasa Inggeris Universiti Tunku Abdul Rahman diiktiraf oleh Kerajaan dan kenapa graduan Bahasa Inggeris universiti ini tidak diambil untuk menjadi guru Bahasa Inggeris sungguhpun sekolah-sekolah kita kekurangan guru Bahasa Inggeris.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kursus Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Pendidikan Bahasa Inggeris di Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) telah diluluskan di bawah seksyen 38 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] dan mencapai status akreditasi penuh bermula 21 Mac 2013 oleh Agensi Kelayakan Malaysia. Pemberian kelulusan kursus adalah di bawah Akta 555 dalam bidang pendidikan terutamanya kepada institusi pendidikan tinggi swasta adalah bagi memenuhi pasaran sekolah-sekolah antarabangsa atau kolej-kolej swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, dasar pengambilan dan penempatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)

Gred DG41 adalah dalam kalangan graduan pendidikan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) pengajian sepenuh masa yang telah diunjurkan latihannya untuk mengisi kekosongan jawatan yang terhad. Ini adalah berikutan pelaksanaan dasar perkhidmatan awam yang kejut, pelanjutan umur persaraan wajib kepada 60 tahun dan penyerapan 13,184 Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) ke jawatan PPP Gred DG41 telah menyebabkan kekosongan jawatan PPP adalah terhad dan kekosongan jawatan hanya tertakluk PPP yang dikeluarkan dari sistem seperti bersara wajib, bersara pilihan dan meletak jawatan.

RJM48